



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66

17hb Januari 2013

No. 2

No. 17.

FASAL 28 UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(Bab Yang Kedua)

PENGURNIAAN GELARAN MENURUT FASAL XXVIII

Bahawa menurut Fasal XXVIII Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Kedua) adalah diisytiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Mulia Sultan sahaja boleh mengurniakan gelaran-gelaran selepas daripada berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu.

Oleh itu, Beta, Al-Wathiqu Billah Al-Sultan Mizan Zainal Abidin, Darjah Utama Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.T), Darjah Kerabat DiRaja Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.R), Darjah Kerabat Terengganu Yang Amat Mulia (D.K.) Darjah Yang Maha Utama Kerabat DiRaja Malaysia (D.K.M.), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Seri Utama Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.U.M.Z.), Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu Yang Amat Terpuji (S.S.M.T.), Darjah Seri Paduka Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.P.M.T.), Darjah Kerabat Baginda Syed Putra Perlis (D.K. [Perlis]), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati (D.K. [Johor]), Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B. [Brunei]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Perak (D.K.[Perak]), Darjah Kerabat Negeri Sembilan Yang Amat Dihormati (D.K.[Negeri Sembilan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kedah (D.K.[Kedah]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Kelantan (D.K. [Kelantan]), Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Selangor

(D.K. [Selangor]), Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J), Ibnu Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala Jajahan takluknya selepas berunding dengan Dewan Pangkuan Diraja Terengganu, Beta kurniakan mulai daripada 20 haribulan Julai, tahun 2012 kepada orang tersebut di dalam ruangan pertama di dalam Jadual di bawah ini, gelaran sebagaimana diterangkan bersetentangan dengan namanya di dalam ruangan yang kedua Jadual tersebut.

JADUAL

(1) Nama	(2) Nama Gelaran
1. YBM. Dato' Haji Syed Omar bin Abdul Kadir Al-Idrus	Engku Kelana Diraja

(SUK. TR. (S) 132/2)
[S.T. 55/2/1 Jld. 2-(9)]

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Terengganu

No. 18.

PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
MENURUT DI BAWAH UNDANG-UNDANG
DARJAH KEBESARAN MAHKOTA TERENGGANU
YANG AMAT DIHORMATI TAHUN 1962
SEMPENA ULANG TAHUN YANG KE LIMA PULUH
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN TERENGGANU
PADA 20 JULAI 2012

Peringkat Yang Kedua
Dato' Paduka Mahkota Terengganu (D.P.M.T)

- Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Mohd Razif bin Haji Idris,
DPTS., PAT., JSM., PCM., PKK., ADK., KAT., KMN., ACM., mpat.,psc.,(Phil.)
DBS (Mktg)., DIM(UKM).

(SUK. TR. (S) 132/2)

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Terengganu

No. 19.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan masing-masing.

JADUAL

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Mohd Zukeri bin Ab. Ghani	Meriyu Kuari	1.11.2012
Mohd Zamzuri bin Ali	Pembantu Meriyu Kuari	1.11.2012
Sivalingam A/L Krishnan	Pembantu Meriyu Kuari	1.11.2012

Bertarikh 30 Disember 2012
[PTG. Tr. 00/02/2008/02/01;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 28(4)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government *Gazette* No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule to hold the post as specified in column (2) of the Schedules with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

SCHEDULE

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Mohd Zukeri bin Ab. Ghani	Quarry Inspector	1.11.2012
Mohd Zamzuri bin Ali	Quarry Assistant	1.11.2012
Sivalingam A/L Krishnan	Quarry Assistant	1.11.2012

Dated 30 December 2012
[PTG. Tr. 00/02/2008/02/01;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 28 (4)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
*Secretary of the State Executive Council
of Terengganu*

No. 20.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A dan B untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual B adalah menyaksikan suratcara dibawah Seksyen 211 Kanun Tanah Negara:

Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual C untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan namanya dalam ruang (4).

JADUAL A

PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT PENTADBIR TANAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Nur Nazuha binti Ismail	Penolong Kanan Pentadbir Tanah Dungun	1.12.2012
Tuan Sharifah Khairuzita binti Tuan Kechil	Penolong Kanan Pentadbir Tanah Kemaman	1.12.2012
Fardiana binti Hashim	Penolong Pentadbir Tanah Dungun	1.12.2012

JADUAL B

PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT DAERAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Ahmad Azizi bin Zulkifli	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Besut	1.12.2012
Mohd Razif bin Abdul Majid	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Dungun	4.11.2012
Lizan bin Che Mat	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Setiu	4.11.2012

JADUAL C

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Alias bin Mamat	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Besut	No. 323 bertarikh 9.4.2009	1.12.2012
Saidi bin Salleh @ Sulong	Penolong Kanan Pentadbir Tanah Besut	No. 363 bertarikh 25.5.2006	1.12.2012
Kamaruddin bin Yaacob	Penolong Kanan Pentadbir Tanah Dungun	No. 404 bertarikh 15.4.2010	1.12.2012

JADUAL C

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Tuan Sharifah Khairuzita binti Tuan Kechil	Penolong Kanan Pentadbir Tanah Hulu Terengganu	No. 1055 bertarikh 29.9.2011	1.12.2012
Nor Nadia Zahira binti Zakaria	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	No. 791 bertarikh 19.7.2011	1.12.2012
Zawawi bin Abd. Rahman	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Dungun	No. 980 bertarikh 10.9.2009	4.11.2012
Ahmad Nazwawi bin Harun	Ketua Penolong Pentadbir Tanah Setiu	No. 791 bertarikh 19.7.2011	4.11.2012

Bertarikh 30 Disember 2012
[PTG. Tr. 00/02/1987/2A/10;
PUN. Tr. 70 Sj. Jld. 28 (2)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government *Gazette* No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule A and B to hold the post as specified in column (2) of the Schedule with effect from the dates mentioned in column (3) against their names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule A shall be to attest instrument of dealings under Section 211 of the National Land Code:

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule C to hold the post as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government *Gazette* specified against their names in column (4).

SCHEDULE A

OFFICERS IN THE LAND ADMINISTRATOR'S OFFICE

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Nur Nazuha binti Ismail	Assistant Land Administrator of Dungun	1.12.2012
Tuan Sharifah Khairuzita binti Tuan Kechil	Assistant Land Administrator of Kemaman	1.12.2012
Fardiana binti Hashim	Assistant Land Administrator of Dungun	1.12.2012

SCHEDULE B

OFFICERS IN THE DISTRICT OFFICE

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Ahmad Azizi bin Zulkifli	Assistant Land Administrator of Besut	1.12.2012
Mohd Razif bin Abdul Majid	Assistant Land Administrator of Dungun	4.11.2012
Lizan bin Che Mat	Assistant Land Administrator of Setiu	4.11.2012

SCHEDULE C

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Appointment
Alias bin Mamat	Assistant Land Administrator of Besut	No. 323 dated 9.4.2009	1.12.2012
Saidi bin Salleh @ Sulong	Assistant Land Administrator of Besut	No. 363 dated 25.5.2006	1.12.2012
Kamaruddin bin Yaacob	Assistant Land Administrator of Dungun	No. 404 dated 15.4.2010	1.12.2012

SCHEDULE C

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Appointment
Tuan Sharifah Khairuzita binti Tuan Kechil	Assistant Land Administrator of Hulu Terengganu	No. 1055 dated 29.9.2011	1.12.2012
Nor Nadia Zahira binti Zakaria	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	No. 791 dated 19.11.2011	1.12.2012
Zawawi bin Abd. Rahman	Assistant Land Administrator of Dungun	No. 980 dated 10.9.2009	4.11.2012
Ahmad Nazwawi bin Harun	Assistant Land Administrator Setiu	No. 791 dated 19.11.2011	4.11.2012

Dated 30 December 2012
[PTG. Tr. 00/02/1987/2A/10;
PUN. Tr. 70 Sj. Jld. 28 (2)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
*Secretary of the State Executive Council
Terengganu*

No. 21.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] dan diwakilkan kepadanya menurut *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* No. 872 bertarikh 18 Disember 1980, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual A untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) bersetentangan dengan nama mereka masing-masing.

2. Tugas orang yang dilantik untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual adalah seperti yang berikut:

- (i) menandatangani permohonan ukur (P/U) dan rekuisisi keterangan hakmilik muktamad;

- (ii) menandatangani carian rasmi, salinan hakmilik, salinan surat cara dan salinan surat pendaftaran;
- (iii) memungut hasil tanah (kutipan luar);
- (iv) menandatangani Borang 4A, 4B dan 4C berkenaan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Pengalihan Bahan Batuan yang telah diluluskan oleh Pentadbir Tanah;
- (v) menyaksikan suratcara di bawah seksyen 211 Kanun Tanah Negara;
- (vi) mendaftar dokumen hakmilik; dan
- (vii) tugas lain yang diarah oleh Pentadbir Tanah dan Pengarah Negeri.

Pembatalan Pelantikan

3. Pelantikan orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual B untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) seperti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Terengganu* yang dinyatakan dalam ruang (3) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan bersestentangan dengan namanya dalam ruang (4).

JADUAL A

PENOLONG PEGAWAI TANAH

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Tarikh Pelantikan
Ali bin Abdullah	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu	7.6.2012
Che Zainal bin Abu Bakar	Penolong Pentadbir Tanah Kemaman	7.6.2012
Syed Baharuddin bin Syed Baharin	Penolong pentadbir Tanah Kemaman	1.6.2012
Kamarul Hisham bin Mohamad Azahar	Penolong Pentadbir Tanah Kemaman	1.6.2012
Ab. Halim bin Mahmud	Penolong Pentadbir Tanah Kuala Terengganu	1.7.2012
Mohd Hanafi bin Ab. Rahman	Penolong Pentadbir Tanah Marang	4.9.2011
Musa bin Mohd	Penolong Pentadbir Tanah Setiu	4.9.2011

JADUAL B

(1) Nama	(2) Jawatan	(3) Warta	(4) Tarikh Pembatalan
Che Zainal bin Abu Bakar	Penolong Pentadbir Tanah Besut	No. 38 bertarikh 2.2.2012	7.6.2012
Ab. Halim bin Mahmud	Penolong Pentadbir Tanah Dungun	No. 38 bertarikh 2.2.2012	1.7.2012

Bertarikh 30 Disember 2012
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/03;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 28 (6)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

In exercise of the powers conferred upon the State Authority under paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965] and delegated to him vide Terengganu Government *Gazette* No. 872 dated 18 December 1980, the State Secretary of Terengganu has appointed the persons named in column (1) of Schedule A to hold the post as specified in column (2) of the Schedule with effect from the dates mentioned in column (3) against his names respectively.

2. The duty of the person appointed to hold the post specified in column (2) of Schedule shall be as follows:

- (i) to sign application for survey (P/U) and requisition for final title (R/T);
- (ii) to sign copies of plan and official searches;
- (iii) to collect land revenues (outdoor collection),
- (iv) to sign form 4A, 4B and 4C in respect of Temporary Occupation License and permit for Removal of Rock Material which have been approved by Land Administrator
- (v) to attest instruments of dealings under Section 211 of the National Land Code;
- (vi) to register document of title; and
- (vii) other duties directed by Land Administrator and State Director.

Revocation of appointment

3. The appointment of the persons named in column (1) of Schedule B to hold the post as specified in column (2) of the Schedule as published in the Terengganu Government *Gazette* specified against their names in column (4).

SCHEDULE A

ASSISTANT LAND OFFICER

(1) Name	(2) Post	(3) Date of Appointment
Ali bin Abdullah	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu	7.6.2012
Che Zainal bin Abu Bakar	Assistant Land Administrator of Kemaman	7.6.2012
Syed Baharuddin bin Syed Baharin	Assistant Land Administrator of Kemaman	1.6.2012
Kamarul Hisham bin Mohamad Azahar	Assistant Land Administrator of Kemaman	1.6.2012
Ab. Halim bin Mahmud	Assistant Land Administrator of Kuala Terengganu	1.7.2012
Mohd Hanafi bin Ab. Rahman	Assistant Land Administrator of Marang	4.9.2011
Musa bin Mohd	Assistant Land Administrator of Setiu	4.9.2011

SCHEDULE B

(1) Name	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Appointment
Che Zainal bin Abu Bakar	Assistant Land Administrator of Besut	No. 38 dated 2.2.2012	7.6.2012

(1) Nama	(2) Post	(3) <i>Gazette</i>	(4) Date of Appointment
Ab. Halim bin Mahmud	Assistant Land Administrator of Dungun	No. 38 dated 2.2.2012	1.7.2012

Bertarikh 30 December 2012
[PTG. Tr. 00/02/1998/2E/02;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 28 (6)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
*Secretary of the State Executive Council
Terengganu*

No. 22.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 209656 Lembar Piawai No. 12-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk penanaman pokok bakau dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Setiu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Setiu. Mukim—Pantai. Kawasan—Kampung Pengkalan Gelap. No. Pelan— PA 209656. Lembar Piawai—12-A. No. Lot—80107. Luas—13.05 hektar.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 209656 Sheet No. 12-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for cultivation of mangrove and has designated that the District Officer of Setiu or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Setiu. Mukim—Pantai. Locality—Kampung Pengkalan Gelap. Plan No.—CP 209656. Sheet No.—12-A. Lot No.—80107. Area—13.05 hectares.

Bertarikh 30 Disember 2012
Dated 30 December 2012
[PTG. Tr. 07/66/2010/0024;
PTS. 06/66/2009/0004;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 27(81)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu/
Secretary of the State Executive Council
of Terengganu

No. 23.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 209924 Lembar Piawai No. 32-A yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk medan info desa dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Setiu atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Setiu. Mukim—Hulu Nerus. Kawasan—Kampung Jelapang. No. Pelan— PA 209924. Lembar Piawai—32-A. No. Lot—50657. Luas—1450 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 209924 Sheet No. 32-A deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for information fields country station and has designated that the District Officer of Setiu or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Setiu. Mukim—Hulu Nerus. Locality—Kampung Jelapang. Plan No.—CP 209924. Sheet No.—32-A. Lot No.—50657. Area—1450 square metres.

Bertarikh 30 Disember 2012
Dated 30 December 2012
[PTG. Tr. 07/66/2009/0007;
PTS. 03/66/2008/0002;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 27(83)]

HAJI AZHAR BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu
Secretary of the State Executive Council
of Terengganu

No. 24.

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri Terengganu Darul Iman telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan dipetakan di atas pelan yang diperakui No. PA 132090 Lembar Piawai No. 114-D yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu, bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Pegawai Daerah Dungun atau pengganti-pengganti jawatannya hendaklah menyenggara tanah rizab.

JADUAL

Daerah—Dungun. Mukim—Sura. Kawasan—Susunatur Kampung Balai Besar. No. Pelan— PA 132090. Lembar Piawai—114-D. No. Lot—12092. Luas—2034 meter persegi.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority of Terengganu Darul Iman has reserved the land described in the Schedule and delineated upon certified plan No. CP 132090 Sheet No. 114-D deposited in the office of the Director of Survey and Mapping of Terengganu, for a public purpose, to wit, a site for open space and has designated that the District Officer of Dungun or his successors in office shall maintain the reserved land.

SCHEDULE

District—Dungun. Mukim—Sura. Locality—Susunatur Kampung Balai Besar. Plan No.— CP 132090. Sheet No.—114-D. Lot No.—12092. Area—2034 square metres.

Bertarikh 30 Disember 2012

HAJI AZHAR BIN JUSOH

Dated 30 December 2012

Setiausaha

[PTG. Tr. 02/66/2006/0017;

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

PTD. 11/55/2005/0019;

Terengganu/

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 27(77)]

*Secretary of the State Executive Council
of Terengganu*

No. 25.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Yusof bin Salleh, Pentadbir Tanah Hulu Terengganu pada 28 Disember 2010 menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara dengan ini membuat perintah supaya dijual secara lelong tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut sebagaimana Jadual.

Dan selanjutnya saya membuat perintah—

(a) Bahawa jualan ini hendaklah dengan secara jualan lelongan awam yang akan diadakan pada 30 Januari 2013 di Pejabat Tanah Hulu Terengganu, jam 10.00 pagi.

(b) Harga rizab bagi maksud jualan ini ialah:

(i) G.M. 464, Lot 240 RM25,000.00.

2. Saya dapati amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada setakat 11 Disember 2011, RM202,597.55. Nama pemegang gadai ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA).

3. Jualan lelong ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:

(a) Bakal penyambut lelong hendaklah mendeposit di Pejabat Tanah Hulu Terengganu dalam bentuk Bank Draf atau Cashier Order di atas nama pemegang gadaian bersamaan 10% daripada harga rizab yang dinyatakan di para 1(b), di atas iaitu sebanyak RM2,500.00 G.M. 464, Lot 240, masa mendeposit bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 9.45 pagi sahaja.

- (b) Bayaran penuh jualan lelong boleh dibayar serta-merta selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut lelong yang berjaya.
- (c) Di mana penyambut lelong tidak dapat membayar sepenuhnya selepas jatuhnya ketukan tukul menentukan penyambut berjaya maka—
- (i) Jumlah bayaran yang diterima di para 3 (a) akan dibayar kepada pemegang gadaian dan disimpan sebagai deposit hingga bayaran penuh pembelian itu dibayar.
 - (ii) Sementara menunggu penyelesaian baki harga belian, bayaran yang telah dibayar di para (i) di atas, akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai bagi mengurangkan bayaran hutang yang patut dibayar oleh penggadai kepada pemegang gadaian.
- (d) Baki harga lelongan hendaklah dibayar penuh tidak lebih daripada 120 hari dari tarikh jualan itu, iaitu tidak lewat dari 30 Mei 2013 dan tiada masa lanjutan dibenarkan.
- (e) Di mana bayaran penuh tidak dijelaskan pada tarikh yang dinyatakan di para (d), wang dibayar sebagai bayaran deposit di para (c) kepada pemegang gadai akan dirampas dan diagihkan mengikut tatacara seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Berang. No. Lot—240. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 464. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 544/2007.

Bertarikh 8 Januari 2013
[PTHT. 05/53/2010/006]

MOHD YUSOF BIN SALLEH
Penolong Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu

No. 26.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nor Sophia Azura binti Mohd Husin, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 Januari 2013 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

(b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM135,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Tiga Puluh Lima Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM64,093.91 (9.3.2011). Nama pemegang gadaian Malaysia Building Society Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:

RM13,500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Belas Ribu Lima Ratus sahaja).

(b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

(c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—

(i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

(ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

(d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 30 Mei 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

(e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kijal. No. Lot—5093. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3622. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3475/2009.

No. 27.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nor Sophia Azura binti Mohd Husin, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 Januari 2013 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM439,859.36 (6.11.2012). Nama pemegang gadaian CIMB Bank Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu sahaja).
- (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 30 Mei 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan

- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kertih. No. Lot—7182. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2970. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1507/1994 Jil. 5 Fol. 70.

Bertarikh 6 November 2012
[PTK. 08/53/2012/0038]

Pentadbir Tanah
Kemaman

No. 28.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nor Sophia Azura binti Mohd Husin, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 Januari 2013 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM80,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM200,422.30 (6.11.2012). Nama pemegang gadaian CIMB Bank Berhad.
 3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM8,000.00 (Ringgit Malaysia: Lapan Ribu sahaja).
 - (b) Amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) Di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
- (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 30 Mei 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) Di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupakan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Banggul. No. Lot—2055. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1395. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 740/2000.

Bertarikh 6 November 2012
[PTK. 02/53/2012/0039]

*Pentadbir Tanah
Kemaman*

No. 29.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Nor Sophia Azura binti Mohd Husin, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tidak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 30 Januari 2013 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Kemaman.

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM436,000.00 (15 Lot)
(Ringgit Malaysia: Empat Ratus Tiga Puluh Enam Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/
pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM1073,726.09 (7.11.2012).
Nama pemegang gadaian Malayan Banking Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus
daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas:
